

S. Harian
22/1/2020

mp 31

Redah lumpur rampas bubu


APMM rampas 33
bubu naga di perairan
Sungai Ayam

Oleh NOR AZURA MD AMIN

BATU PAHAT

Selepas mengharung lumpur setinggi paras lutut, anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Batu Pahat berjaya merampas sebanyak 33 bubu naga di perairan Sungai Ayam, Batu Pahat, petang kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Batu Pahat, Komander Maritim Mohammad Othman berkata, rampasan itu dilakukan kira-kira jam 6 petang semasa bot APMM melakukan rondaan.



Bubu naga yang dirampas oleh anggota APMM Zon Maritim Batu Pahat di perairan Sungai Ayam, Batu Pahat petang kelmarin.

“Menyedari kehadiran pihak berkuasa, dua awak-awak yang berada di atas bot fiber bertindak melarikan diri.

“Memandangkan paras air laut sedang surut, anggota APMM terpaksa meredah lumpur hingga paras lutut untuk sampai ke lokasi bubu naga dipasang,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohamad berkata, penggunaan bubu naga secara haram boleh menjelaskan sumber perikanan memandangkan ia boleh memerangkap anak-anak ikan komersil.

“Semua bubu naga yang dirampas dibawa ke Zon Maritim Batu Pahat untuk disita mengikut Akta Perikanan 1985,” katanya.